

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan statistik kutipan hasil pusat agropelancongan dan jumlah pengunjung agropelancongan pada 2019. Sejauh manakah agropelancongan mampu mencipta peluang pekerjaan dan sumber pendapatan tambahan kepada golongan petani, penternak dan nelayan.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 terdapat 125 pusat agropelancongan yang berdaftar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Statistik kutipan hasil pusat agropelancongan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 33,505,195.14 dengan jumlah pengunjung agropelancongan seramai 2,711,357 orang.

Agropelancongan mampu mencipta peluang pekerjaan dan sumber pendapatan tambahan kepada golongan petani, penternak dan nelayan melalui:

(i) Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat

Pusat agropelancongan menyediakan peluang pekerjaan sama ada secara tetap seperti perkhidmatan veterinar mahupun sampingan seperti perkhidmatan katering, pemandu pelancong dan sebagainya bagi membantu kelangsungan operasi perniagaan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Selain itu juga, masyarakat disekitar kawasan tersebut mendapat manfaat daripada kehadiran pengunjung melalui

perniagaan seperti pembukaan restoran, inap desa (*homestay*) atau chalet.

(ii) Penjualan hasil pertanian, produk serta perkhidmatan

Setiap pusat agropelancongan yang dilaksanakan oleh golongan sasaran iaitu penternak, petani dan nelayan melaksanakan aktiviti pertanian yang mampu memberi nilai tambah dan menarik lebih ramai pengunjung. Sebagai contoh, pusat agropelancongan yang menanam pokok nipah boleh menghasilkan produk air nira, pusat agropelancongan yang menternak ikan pula menghasilkan produk ikan pekasam, pesawah padi menjana pendapatan tambahan dengan menawarkan pakej kelas penanaman padi kepada pengunjung yang datang serta penternak madu kelulut menghasilkan produk kesihatan berteraskan madu tersebut. Terdapat banyak lagi produk dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan bagi menambahkan sumber pendapatan serta peluang pekerjaan kepada golongan sasaran ini.

Sekian, terima kasih.